



26 Jun 2026
26 June 2026
P.U. (A) 231

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PEMBAYARAN ELAUN PENJAGAAN
IBU BAPA, DATUK DAN NENEK) 2026

*INCOME TAX
(DEDUCTION FOR PAYMENT OF CARE ALLOWANCE OF
PARENTS AND GRANDPARENTS) RULES 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PEMBAYARAN ELAUN
PENJAGAAN IBU BAPA, DATUK DAN NENEK) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dibaca bersama-sama perenggan 33(1)(d) Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pembayaran Elaun Penjagaan Ibu Bapa, Datuk dan Nenek) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2025.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan seseorang majikan yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan itu kepada pekerjaanya berhubung dengan elaun penjagaan bagi ibu bapa, ibu bapa angkat atau datuk dan nenek.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), jika dua tempoh asas bertindih, tempoh biasa untuk kedua-dua tempoh itu hendaklah disifatkan termasuk dalam tempoh asas pertama sahaja.

(3) Jika jumlah amaun apa-apa perbelanjaan yang boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini melebihi amaun yang pada pendapat Ketua Pengarah boleh dijangkakan dengan munasabahnya akan ditanggung dalam perjalanan biasa perniagaan, Ketua Pengarah boleh, setakat lebihan itu, tidak membenarkan amaun itu sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(4) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa potongan di bawah seksyen 33 Akta.

Dibuat 18 Jun 2026

[Ruj: MOF.TAX(S)700-2/7/2215; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-394; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR PAYMENT OF CARE ALLOWANCE OF PARENTS
AND GRANDPARENTS) RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] read together with paragraph 33(1)(d) of the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Payment of Care Allowance of Parents and Grandparents) Rules 2026**.

(2) These Rules is deemed to have effect from the year of assessment 2025.

Deduction

2. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of an employer resident in Malaysia from his business in the basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for any expenses incurred by the employer to his employee in relation to care allowance for parents, adoptive parents or grandparents.

(2) For the purpose of subrule (1), if two basis periods overlap, the common period for both periods shall be deemed to fall in the first basis period only.

(3) Where the total amount of any expenses which would have been allowed as a deduction under these Rules exceeds the amount of which in the opinion of the Director General would reasonably be expected to be incurred in the ordinary course of business, the Director General may, to the extent of that excess, disallow that amount as a deduction under these Rules.

(4) The amount of deduction allowed under the Rules shall be in addition to any deduction under section 33 of the Act.

Made 18 June 2026

[Ruj: MOF.TAX(S)700-2/7/2215; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-394; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the
Income Tax Act 1967]*